

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan Bahagian D.

BAHAGIAN A

(25 markah)

- 1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Dalam kalangan peserta pertandingan pakaian beragam pada hari itu, Aminah ialah peserta yang paling tercantik.

(ii) Menteri Besar telah menghadap tuanku sultan bagi mendapatkan persetujuan baginda tentang cadangan pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri yang baharu.

(iii) Ibu menggunakan pencuci serbuk itu untuk menghilangkan kesan tompokan minyak yang melekat pada permukaan lantai dapur.

(iv) Sikap saling menghormati antara satu sama lain kita patut amalkan kerana banyak mendatangkan faedah.

(8 markah)

- 2 Dalam petikan dialog di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan dialog itu semula.

Juruhebah A : Selamat pagi dan salam sejahtera. Selamat datang ke pertandingan bowling peringkat kebangsaan kali ke-3.

Juruhebah B : Untuk maklumat para hadirin, jadual pertandingan boleh diambil di kaunter urusetia yang terletak bersebelahan dengan gerai jualan cenderamata.

Juruhebah A : Sementara menunggu pertandingan bermula, semua ketua kontinjen perlu mendapatkan kupon makanan di kaunter pendaftaran bersebelahan dengan kiosk jualan kad pra-bayar telefon bimbit.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(3 markah)